



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Pelajar terlanjur jadi kekasih kedua

Soalan

SA YA berusia 19 tahun dan belajar di tingkatan enam dan baru saja putus cinta dengan kekasih, Z.

Kami berkawan selama enam tahun. Dulunya dia sangat menyayangi saya dan ingin mengakhiri hubungan kami dengan ikatan perkahwinan.

Sepanjang tempoh percintaan, kami banyak kali memutuskan perhubungan, tetapi kerana sayang, kami menyambung kembali perkasihannya.

Pada awal perkenalan, saya tidak mencintai dia dan mempunyai ramai kawan lelaki. Selama berkawan, saya banyak menyakiti hatinya dan berlaku curang.

Dia mengetahui kecurangan itu, tetapi tetap menerima saya dan tidak sanggup melepaskan saya.

Bagaimanapun, saya tidak pernah menghiraukan perasaan dia kerana hanya memikirkan keseronokan bersama lelaki lain.

Disebabkan kerap curang, dia memujuk supaya saya menyerahkan kesucian saya kepadanya.

Dengan cara itu, saya sentiasa bersamanya.

Kerana termakan dengan pujuk rayunya, kami terlanjur dan ia berulang setiap kali

kami bertemu.

Namun, perangai saya tetap tidak berubah. Saya tetap curang kepadanya dan akhirnya dia memutuskan hubungan kami.

Selepas berpisah, baru saya menyedari saya mencintainya dan tidak sanggup kehilangannya.

Selama sebulan saya memujuknya untuk kembali dan akhirnya dia bersetuju, tetapi menjadi kekasihnya yang kedua. Kerana terlalu mencintainya, saya rela dimadukan.

Selama dua bulan bersabar, akhirnya saya memberitahu teman wanitanya bahawa kami bercinta kembali.

Atas tindakan saya itu, Z mengambil keputusan memutuskan hubungan kami.

Saya idak dapat menerima hakikat itu kerana terlalu menyayanginya. Sudah puas saya memujuknya, tetapi dia tetap tidak dapat terima saya lagi.

Tolonglah saya Dr, saya buntu dan susah untuk melupakannya disebabkan keterlanjuran yang sudah kami lakukan.

Kini, saya banyak berubah dan tidak boleh hidup tanpa Z. Semua ini mengganggu fikiran, emosi dan pelajaran saya?

Insan Lemah, JOHOR

Jawapan

CINTA adik berdua bermula dengan langkah yang salah. Kecurangan adik dan bekas kekasih meranapkan segala kemanisan cinta.

Kecurangan meranap segala kemanisan cinta manakala kesetiaan akan mengikat cinta.

Z tidak sepatutnya meletakkan syarat sebagai bukti cinta adik kepadanya dengan menyerahkan kesucian. Selain itu, dia juga perlu mengotakan janjinya dan bertanggungjawab di atas tindakannya merampas kesucian adik.

Sudah menjadi lumrah seseorang itu tidak akan menghargai insan yang mencintai kita sepenuh hati sehinggalah kita kehilangannya dan Dr memahami perasaan adik.

Jika adik benar-benar mencintainya, berusaha untuk mendapatkannya kembali.

Bait cinta berbunyi: "Jangan sesekali mengucapkan selamat tinggal jika kamu masih mahu mencuba. Jangan sesekali mengatakan kamu tidak mencintainya lagi jika kamu masih tidak dapat melupakannya."

Dr harapkan adik berjaya mendapatkan Z kembali.

Namun, cinta tidak akan bertepuk sebelah tangan. Andainya, Z masih tidak dapat menerima adik atas segala usaha yang lakukan, belajar menerima kenyataan itu.

Lepaskanlah kenangan cinta dan pengorbanannya secara perlahan-lahan walaupun ia amat sukar untuk dilakukan.

Selepas ini, adik mungkin boleh memberi fokus kepada pelajaran.

Pepatah mengatakan: "Kejarlah cita-cita sebelum cinta. Apabila tercapainya cita-cita, maka dengan sendirinya cinta itu akan hadir. Raihlah ilmu dengan belajar untuk tenang dan sabar."

Apa yang berlaku ada hikmahnya. Kecewaan bercinta bukan bermakna semuanya sudah berakhir.

Apa yang penting, kesilapan serta kecurangan lalu tidak lagi diulangi dan cinta dipupuk dengan ikhlas.

Dr mendoakan adik agar berjaya dalam pelajaran dan bertemu lelaki yang benar-benar menyayangi adik.

Tiada duit bukan alasan tangguh perkahwinan

Soalan

SA YA remaja berusia 19 tahun dan mempunyai teman lelaki berusia 23 tahun.

Kami berpacaran selama setahun dan saya amat menyintainya dan hidup bersama ke akhir hayat.

Teman lelaki berasal dari keluarga yang warak dan pada awal perhubungan, saya takut ibunya tidak dapat menerima saya sebagai menantu.

Bagaimanapun, kerana cinta, saya berusaha menyemai cinta kami.

Saya mahu berkahwin dengannya secepat mungkin, tetapi kemahuan itu tidak kesampaian kerana teman lelaki belum

mempunyai wang yang cukup.

Dia menyuruh saya menunggu empat hingga lima tahun. Ini kerana perbelanjaan kahwin memerlukan kos yang agak tinggi sehingga mencecah RM20,000.

Tetapi, perlukah saya menunggu begitu lama? Saya mahu berkahwin segera bagi menjauhi maksiat.

Gadis keliru, KELANTAN

Jawapan

LELAKI yang serius untuk menjadikan seseorang wanita itu isterinya tidak memerlukan pelbagai alasan untuk menangguhkan perkahwinan.

Memberi alasan tidak mempunyai wang yang cukup untuk melangsungkan perkahwinan menunjukkan bahawa teman lelaki adik tidak serius. Dia mungkin lebih selesa menjalinkan hubungan seperti sekarang.

Lazimnya, menerusi latar belakang keluarga teman lelaki yang warak, mereka akan bersetuju jika perkahwinan itu disegerakan bagi mengelak maksiat.

Adik perlu bertanya kepada diri sendiri sama ada boleh menunggu sehingga empat tahun lagi untuk berkahwin.

Jika adik tidak boleh menunggunya,

berbincanglah secara baik dengannya. Adik boleh sama-sama mengumpul wang perkahwinan atau berkahwin secara sederhana.

Jika dia masih tidak bersetuju, lihatlah di sebalik pendiriannya itu. Adakah dia benar-benar ikhlas menjalinkan perhubungan dengan adik?

Jika dia hanya menggunakan alasan tidak punya wang untuk tidak mahu komited dalam perhubungan, adik perlu menilai semula perhubungan ini.

Adik berhak menentukan hala tuju perhubungan itu kerana ia membabitkan kehidupan dan masa depan adik.